



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 2 Tahun 2019

PINDAAN KUASA MELULUS MENERIMA HARTA SUMBANGAN UiTM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan pindaan kuasa melulus menerima harta sumbangan UiTM adalah diperingkat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat JKP Bil. 214 bertarikh 17 Januari 2019 telah meluluskan pindaan kuasa melulus menerima harta sumbangan UiTM adalah diperingkat JKP.
3. Pekeliling Bendahari Bilangan 6 Tahun 2014 telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan berkenaan **Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM (Harta Sumbangan UiTM)**.
4. Pindaan kuasa melulus menerima harta sumbangan UiTM adalah selaras dengan keputusan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-166 pada 14 November 2018.

PINDAAN KUASA MELULUS MENERIMA HARTA SUMBANGAN UiTM


5. PTJ yang ditawarkan dan ingin menerima harta sumbangan perlu menyediakan kertas kerja dan mengemukakan kertas kerja kepada Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU), UiTM Shah Alam bagi perakuan dan seterusnya dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) untuk kelulusan.
6. Surat Pekeliling ini perlu dibaca bersekali dengan Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2014 (Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM Harta Sumbangan).

TARIKH DIKELUARKAN

7. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 Januari 2019.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 14 November 2018.



DR HAJI MOHD ANUAR MAZUKI
Bendahari

Dikelilingkan Kepada :

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/Pusat/ Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan Negeri

Semua Ketua Jabatan/ Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam

Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Negeri / Kampus

Bil. Fail :100-BBI(PTA. 6/6/1)

No. Siri :100-BBI(PTA/02/2019)